

MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN MPC
BILANGAN X TAHUN 2023

**PEMBANGUNAN & PELAKSANAAN
MS ISO 37001:2016 – *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS)
DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**

UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS (UIG)
29 MEI 2023

OBJEKTIF PEMBENTANGAN

Mendapatkan keputusan Ahli Mesyuarat Lembaga Pengurusan (BOM) MPC berkenaan pembangunan dan pelaksanaan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Nota:

NACP Inisiatif 2.1.6: Membentuk Mekanisma yang Kukuh dan Efektif dalam Proses Pengeluaran Permit dan Lesen

- Penarafan Risiko MPC adalah SEDERHANA. (pada tahun 2020)
- Penarafan ini adalah satu tindakan Pencegahan rasuah yang dipertanggungjawabkan kepada organisasi selaras dengan peruntukan liability korporat menurut Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 Pindaan 2018.
- Justeru, organisasi adalah dinasihatkan agar memastikan keseluruhan pelaksanaan ini menepati kehendak Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No 1 2018: PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA - MEKANISME PENGURUSAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAHKEBANGSAAN



IBU PEJABAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
No.2, Lebuh Wawasan
Presint 7
62260 PUTRAJAYA



Tel : 03-8870 0000
Faks : 03-8870 0801
<http://www.sp-rrm.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SPRM.BPIA.600-9/3/2

Tarikh : 01 Jun 2020

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti,
Off Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya,
Selangor D.E.

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN RISIKO SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN/
GOVERNMENT-LINKED COMPANIES (GLC)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, selaras dengan berkuatkuasanya Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018 berkaitan Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-Syarikat Yang Dimiliki Oleh Kementerian Dan Agensi Kerajaan Termasuk Di Bawah Kerajaan Negeri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) adalah bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko organisasi bagi menetapkan struktur IGU yang bersesuaian. Risiko dalam konteks penarafan ini merangkumi faktor ancaman (threat) bagi kesalahan rasuah dan faktor kemudahterancaman (vulnerability) iaitu kecenderungan berlakunya kesalahan rasuah berdasarkan kepada ciri-ciri syarikat.

3. SPRM telah selesai melaksanakan Penarafan Risiko Rasuah ke atas Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri berdasarkan kepada rekod BPIA bagi Tahun 2019. Dapatan penarafan menunjukkan syarikat/ organisasi Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) berada dalam kategori risiko sederhana.

4. Pelaksanaan IGU ini merupakan salah satu daripada tindakan pencegahan rasuah yang dipertanggungjawabkan kepada syarikat-syarikat selaras dengan kehendak peruntukan liability korporat menurut Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018). Justeru itu, dalam hal ini, pihak syarikat/ organisasi adalah dinasihatkan agar memastikan keseluruhan pelaksanaan IGU menepati kehendak Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018.

"RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA"



Copyright © 2019 SPRM. All rights reserved.



PENDAHULUAN

Kenyataan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara YBhg Tan Sri Mohd Zuki Ali di Berita Harian (18 April 2021) adalah dirujuk

" Semua Kementerian akan mendapatkan pensijilan daripada badan pensijilan tempatan yang diiktiraf antarabangsa iaitu SIRIM QAS International. Pensijilan ini bertujuan memastikan sistem ini akan sentiasa di pantau dan diaudit keberkesanannya. Ini akan membantu organisasi untuk bertindak dalam meminimumkan ruang dan peluang rasuah berlaku"

Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 14 pada 19 April 2021, Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pensijilan Anti-Bribery Management Systems - MS ISO 37001:2016 bagi kementerian/jabatan/kerajaan negeri masing-masing dalam tahun 2021.

OBJEKTIF ABMS

1. Mengariskan komitmen pengurusan dalam menjalankan perniagaannya secara profesional, beretika dan dengan standard integriti yang tinggi
2. Menegakkan pendekatan toleransi sifar terhadap rasuah dan integriti yang selaras dengan Akta SPRM 2009 dan undang-undang, peraturan dan dasar lain yang terpakai.
3. Memberi pengetahuan, panduan dan prinsip kepada pekerja mengenai kedudukan organisasi dalam perkara yang berkaitan dengan rasuah dan integriti serta akibat daripada tindakan tersebut. Dengan berbuat demikian, membantu MPC untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap rasuah.
4. Menyediakan medium untuk melaporkan kes integriti dan rasuah tanpa rasa takut akan tindakan balas melalui whistleblowing dan penubuhan Jabatan Interiti dan Tadbir Urus (IGU) sebagai fungsi bebas untuk Pemantauan dan pelaporan ABMS kepada Lembaga Pengarah (BOD)

KOS TERLIBAT

1. Kos Pelaksanaan ABMS adalah dianggarkan sebanyak **RM100,000.00** dan melibatkan perunding dan pakar yang berpengalaman dan bertauliah dalam ABMS.
2. Skop kerja yang diperlukan untuk projek pembangunan dan pelaksanaan ABMS adalah seperti berikut:
 - a) Mengadakan Latihan/Bengkel dalam melatih wakil/fasilitator dalam memahami dan melaksanakan ABMS yang berkaitan Anti rasuah dan integriti.
 - b) Merangka strategi kerja untuk pembangunan ABMS berdasarkan keperluan piawaian ISO 37001:2016.
 - c) Membantu dalam pengendalian, laporan dan susulan audit dalaman ABMS berdasarkan ISO 37001:2016 yang dijalankan oleh juruaudit dalaman dan pengurusan risiko yang dilantik.
 - d) Memberi panduan tentang dokumentasi Sistem Pengurusan Antirasuah, persediaan dan pembangunan dasar, prosedur, prosedur kerja dan dokumen sokongan lain.
 - e) Menjalankan penilaian pelaksanaan dan pencapaian ABMS kepada MPC dan membantu dalam melaksanakan tindakan pembetulan.

Ulasan dan Pandangan Unit Integriti dan Governans

- Status semasa tahap penarafan risiko integriti MPC berada pada tahap sederhana
- Pengurusan Risiko Rasuah dalaman MPC pada masa ini memadai dilaksanakan secara kawalan dalaman (OACP dan CRM)
- Kos pembangunan ABMS sebanyak RM100 ribu boleh dijimatkan untuk menampung keperluan pengoperasian MPC
- Syor: Pelaksanaan ABMS di MPC ditangguhkan terlebih dahulu.